

## **UPACARA MONSUUNG DAHUNGAN (SAJIAN KUALA SUNGAI) DI KIMANIS**

*Monsuung Dahungan Ceremony in Kimanis*

**Zainuddin Baco<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

\*Corresponding author: [zainuddin@ums.edu.my](mailto:zainuddin@ums.edu.my)

*Dihantar: 03 Mac 2025 / Penambahbaikan: 18 Jun 2025*

*Diterima: 1 November 2025 / Terbit: 31 Disember 2025*

### **Abstrak**

Upacara Monsuung Dahungan merupakan salah satu adat tradisional yang masih diamalkan oleh masyarakat Kadazan-Dusun di Kimanis, Sabah. Adat ini berfungsi sebagai ritual pendamaian antara manusia dengan alam spiritual bagi mengekalkan keseimbangan kosmos yang dipercayai menjadi asas kepada kesejahteraan hidup masyarakat setempat. Artikel ini bertujuan membincangkan latar belakang konsep adat dalam konteks kepercayaan tradisional Kadazan-Dusun, sejarah dan struktur masyarakat Kadazan-Dusun di Kimanis, serta menghuraikan secara terperinci pelaksanaan upacara Monsuung Dahungan. Perbincangan meliputi peringkat persediaan, proses ritual utama seperti Menggambo, Menavit dan Monsuung Dahungan, pantang larang yang dikuatkuasakan, serta kes-kes pelanggaran adat yang pernah berlaku. Artikel ini turut meneliti keunikan kerjasama antara masyarakat Kadazan-Dusun dan Melayu Brunei dalam menjayakan upacara ini, walaupun kedua-duanya mempunyai latar belakang agama dan budaya yang berbeza. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Monsuung Dahungan bukan sahaja berperanan sebagai mekanisme spiritual untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan komuniti, malah menjadi simbol kesepakatan sosial dan keharmonian antara etnik di Kimanis. Walau bagaimanapun, kelangsungan adat ini berhadapan cabaran akibat pengaruh pemodenan, pendidikan moden dan perubahan sosioekonomi. Oleh itu, pemeliharaan adat ini perlu dilihat sebagai sebagai warisan budaya dan identiti penting masyarakat Kadazan-Dusun di Kimanis.

**Kata Kunci** : Monsuung Dahungan, Kadazan-Dusun, Kimanis, Adat Tradisional, Ritual, Warisan Budaya Tidak Ketara

## **Abstract**

*The Monsuung Dahungan ritual is a traditional custom that continues to be practised by the Kadazan-Dusun community in Kimanis, Sabah. This ritual functions as a form of spiritual reconciliation between humans and the supernatural realm, aimed at maintaining cosmic balance believed to ensure communal well-being. This article examines the concept of adat within the Kadazan-Dusun traditional belief system, the historical background of the Kadazan-Dusun community in Kimanis, and provides a detailed description of the Monsuung Dahungan ritual. The discussion covers the preparatory stages, the main ritual phases Menggambo, Menavit and Monsuung Dahungan, as well as the taboos enforced and documented cases of adat violations. Particular attention is given to the unique cooperation between the Kadazan-Dusun and Brunei Malay communities in performing this ritual, despite their differing religious and cultural backgrounds. The findings indicate that Monsuung Dahungan serves not only as a spiritual mechanism to safeguard the community from misfortune and disaster, but also as a symbol of social cohesion and inter-ethnic harmony in Kimanis. Nevertheless, the continuity of this ritual face challenges arising from modernisation, formal education and socio-economic changes. Therefore, the preservation of Monsuung Dahungan is essential as a cultural heritage and a marker of Kadazan-Dusun identity in Kimanis.*

**Keywords** : *Monsuung Dahungan, Kadazan-Dusun of Kimanis, Traditional Ritual, Cosmic Balance, Inter-Ethnic Cooperation*

## **Pengenalan**

Adat merupakan peraturan hidup yang harus dipatuhi dan telah diamalkan sejak turun-temurun dalam sesebuah masyarakat. Dari segi etimologi perkataan adat itu berasal daripada bahasa Arab *adah* yang bererti kebiasaan atau sesuatu perbuatan yang dilakukan secara berulang-ulang lalu menjadi suatu kebiasaan yang tetap dan dihormati orang, maka kebiasaan itu seterusnya menjadi adat (S. Gazalba, 1967:296). Dari segi istilah adat ialah bentuk tingkah laku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sehingga menjadi satu tradisi (Safian Hussain (et. al), 1997:38).

### *Upacara Monsuung Dahungan (Sajian Kuala Sungai) di Kimanis*

Bagi masyarakat tradisional, adat mempunyai maksud yang lebih luas. Ia bukan sekadar membawa erti kebiasaan, adat resam dan kelaziman sahaja. Bahkan adat itu hanya dapat difahami melalui pemahaman tentang aspek ketuhanan yang dipegang oleh sesebuah masyarakat. Idea tentang adat sebenarnya membawa dua makna. Pertama, peraturan dan keharmonian dalam alam semesta yang ditentukan oleh tuhan; kedua, kehidupan dan tindakan yang selari dengan peraturan tersebut (Scharer, 1963: 74-75). Hal ini bermakna adat amat dekat system kepercayaan masyarakatnya.

Dalam konteks masyarakat tradisional seperti Kadazan-Dusun di Kimanis sebelum kedatangan pengaruh luar merupakan masyarakat tradisional yang bergantung sepenuhnya kepada perkitaran fizikal untuk menjalankan kehidupan seharian. Justeru, kehidupan seharian mereka pula dikawal oleh adat dan pantang larang tertentu yang banyak bergantung kepada struktur dan organisasi alam semesta dengan setiap peringkat atau aktiviti lazimnya diiringi oleh pelbagai adat tertentu. Adat atau upacara yang dilakukan bertujuan untuk menentukan manusia alam nyata harus bersatu padu dengan alam spiritual supaya kehidupan sentiasa berada dalam keadaan yang seimbang. Jika keseimbangan antara kedua-dua alam ini tidak dipelihara, semangat di alam spiritual akan mengganggu hidup manusia sehingga boleh menyebabkan manusia mendapat sakit atau ditimpa bencana. Justeru, pelbagai upacara dan ritual tertentu dilakukan dengan menggunakan perkhidmatan *Bobohizan* untuk memenuhi tuntutan keseimbangan tersebut sebagai suatu *efficacy* bagi tujuan penyejukan atau pendamaian (Hanafi Hussin, 2003).

Salah satu upacara adat yang masih diamalkan oleh masyarakat Kadazan-Dusun Kimanis adalah *Monsuung Dahungan* (sajian kuala sungai). Kertas kerja ini akan memberi fokus kepada adat ini yang dipercayai dapat memberikan kesejahteraan kepada seluruh masyarakat di Kimanis.

## **Masyarakat Kadazan-Dusun Di Kimanis**

Kimanis terletak dalam daerah Papar iaitu di Bahagian Pantai Barat negeri Sabah. Penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik, dan antara yang terbesar ialah masyarakat Melayu Brunei dan Kadazan-Dusun. Dengan lain perkataan, masyarakat Kadazan-Dusun menjalani kehidupan bersama masyarakat Melayu Brunei yang merupakan masyarakat terbesar di sana. Mereka hidup dalam suasana yang damai,

saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Permuafakatan mereka terserlah antara lain melalui upacara *Monsuung Dahungan* yang diadakan pada setiap tahun.

Berdasarkan tembual dengan Guslin Ajak, sebahagian daripada masyarakat Kadazan-Dusun di Kimanis berasal dari Tambunan. Mereka kemudiannya membuka beberapa perkampungan di Kimanis, antaranya ialah kampung Langsung, Kampung Kelatuan, dan Kampung Langkawit. Tujuan utama migrasi atau penghijrahan masyarakat ini dikaitkan dengan pembukaan kebun getah dan sawah padi. Selain Tambunan, sebahagian mereka berasal dari daerah Panampang. Mereka berhijrah ke Kimanis dan membuka perkampungan yang dinamakan sebagai Penampang Baru. Menurut beliau lagi, masa yang tepat mengenai penghijrahan masyarakat Kadazan-Dusun ke Kimanis tidak dapat ditentukan, namun anggarannya ialah sekitar tahun 1960an.

Asalnya, masyarakat Kadazan-Dusun berpegang kepada kepercayaan animisme. Sistem pentadbiran mereka berbentuk tradisional di mana mereka yang dipimpin seorang ketua. Lazimnya ketua yang dilantik merupakan seorang pahlawan dalam sesebuah kampung. Antara pemimpin yang terkenal di Kimanis ialah Datu Pulang yang merupakan ketua dan pahlawan Kimanis. Tuntasnya, masyarakat Kadazan-Dusun Kimanis juga mempunyai sistem adat atau undang-undang adat yang rumit. Ia berdasarkan pandang dunia dan sistem kepercayaan tradisional yang mereka warisi sejak turun temurun. Setiap kumpulan mengakui kewujudan Pencipta atau *Minamangun* yang mempunyai pelbagai nama dan tinggal di alam spiritual tertinggi di atas bumi. Tempat ini selalunya digelar Nabalu (alam kelapan berasal dari *walu* atau Nombor lapan) dan mempunyai kaitan dengan Gunung Kinabalu. Pelbagai jenis roh termasuk *rogon* atau jin dan syaitan dari alam bawah (alam ghaib), juga sebahagian daripada kosmologi tradisional. Semangat padi merupakan sejenis semangat yang penting dan setiap sawah padi milik setiap keluarga dipercayai dijaga oleh salah satu daripada semangat ini. Manusia juga mempunyai roh dan pada umumnya setiap seorang dipercayai mempunyai tujuh roh dan roh yang terbesar kembali kepada *Minamangun* selepas mati. Penjelasan mengenai penciptaan dunia termasuk manusia dan padi, kehandalan semangat dan pelbagai mantera dan doa terkandung dalam *rinait* atau ayat ritual yang panjang dan terperinci yang dibaca oleh wanita ketua ritual keagamaan tradisional ketika pelbagai upacara (Pugh-Kitigan, 2012).

## **Upacara *Monsuung Dahungan* Mukim Kimanis**

*Monsuung Dahungan* dilakukan pada minggu ketiga bulan April setiap tahun. Bagi masyarakat Kadazan-Dusun Kimanis, upacara ini amat signifikan dalam kehidupan mereka. Ia merupakan kunci kepada kesejahteraan dan kedamaian masyarakatnya. Upacara ini adalah yang pertama perlu dilakukan, kemudian barulah mereka menanam padi, menuai dan menjalankan upacara keamatan. Sekiranya ia tidak dilaksanakan, maka mereka terpaksa membayar *sogit* bagi mengembalikan keseimbangan alam yang terganggu akibat melanggar adat.

Masyarakat di sini percaya bahawa *Monsuung Dahungan* dapat menjauhkan mereka dari sebarang perkara yang tidak diinginkan seperti kecelakaan dan bencana. Upacara ini merupakan satu ritual pendamaian antara mereka dengan makhluk-makhluk halus yang terdapat di Kimanis. Oleh yang demikian, kehidupan mereka tidak akan diganggu oleh sebarang makhluk halus. Selain itu, pelaksanaan ritual ini adalah untuk memastikan agar keseimbangan alam sentiasa terpelihara dan ia akan menjamin keselamatan dan kesejahteraan semua penduduk. Mereka akan terpelihara daripada pelbagai musibah dan penyakit. Tanaman yang diusahakan, dan aktiviti ekonomi yang lain seperti menangkap ikan dan memburu akan membuahkan hasil yang lumayan.

Salah satu ciri keunikan upacara *Monsuung Dahungan* di Kimanis ialah ia dilakukan bersama oleh dua kumpulan etnik yang berbeza iaitu Kadazan-Dusun dan Brunei. Kerjasama seperti ini jarang berlaku apatah lagi jika kedua masyarakat ini mempunyai pegangan agama yang berbeza. Berdasarkan temu bual penyelidik bersama Palin Along (pengerusi adat istiadat Kimanis), upacara ini menjadi amalan masyarakat Brunei dan Kadazan-Dusun sejak dahulu lagi dan diketuai oleh masyarakat Brunei. Oleh sebab itu *Minggai* (sajian makanan) yang dibawakan merupakan makanan tradisi masyarakat Brunei. Namun pada masa sekarang, apabila pengaruh Islam semakin kuat meresapi masyarakat Brunei, amalan ini dilakukan sendiri oleh masyarakat Kadazan-Dusun walaupun sebahagian besar mereka telah menganut agama Kristian. Bagi masyarakat Brunei, mereka menganggap ia tidak lagi sesuai diamalkan kerana bertentangan dengan agama mereka. Sungguhpun demikian, mereka masih lagi terlibat dalam penyediaan *Minggai*. Menurut Palin Along, hal ini kerana kedua-dua masyarakat ini telah berjanji untuk terus bekerjasama di mana masyarakat Kadazan-Dusun akan menjalankan upacara *monsuung Dahungan*, manakala

masyarakat Brunei akan menyediakan *Minggai* (hidangan makanan yang diletakkan dalam bekas yang dianyam dengan daun nipah).

Sepanjang upacara ini dijalankan, masyarakat setempat memberikan kerjasama yang sangat baik termasuklah dalam hal berkaitan pantang larang yang dikuatkuasakan. Bagi proses penyediaan *Minggai* yang dahulunya dilakukan sepenuhnya oleh masyarakat Brunei, kini ianya telah mula diajarkan kepada masyarakat Kadazan-Dusun yang berminat. Berdasarkan pemerhatian penyelidik semasa proses penyediaan *Minggai* pada upacara *Monsuung Dahungan* yang berlangsung pada 17-20 April 2014, kerjasama daripada masyarakat Brunei dalam proses penyediaan *Minggai* masih wujud tetapi hanya melibatkan sebilangan kecil golongan tua.

### **Peringkat Penyediaan Upacara *Monsuung Dahungan***

*Monsuung Dahungan* merupakan satu upacara tahunan yang dilakukan di mukim Kimanis, justeru bagi memastikan upacara ini berjalan dengan rapi satu jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pelaksana *Monsuung Dahungan* telah dibentuk pada setiap tahun. Jawatankuasa ini dibentuk tiga bulan lebih awal sebelum tarikh *Monsuung Dahungan* dijalankan. Antara tujuan penting penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk memastikan *Monsuung Dahungan* dapat dijalankan dengan lancar tanpa sebarang masalah dan usaha mengumpul dana atau sumbangan dapat disusun. Semasa upacara *Monsuung Dahungan* pada April 2014 yang lalu, jawatankuasa ini diketuai oleh Palin Along dan dibantu oleh beberapa ahli jawatankuasa yang terdiri daripada penduduk Kimanis.

Dana yang diterima adalah daripada pelbagai pihak termasuk NGO dan pemimpin masyarakat. Menurut Palin Along, sekitar tahun 1960an, upacara ini dilangsungkan menerusi sumbangan yang diberikan oleh penduduk Kimanis yang berupa makanan atau hidangan yang diletakkan pada *Minggai* serta sumbangan tenaga dalam menjalankan upacara. Namun bermula pada sekitar tahun 1990an, bantuan yang diterima daripada orang ramai adalah berbentuk wang ringgit daripada pemimpin masyarakat. Manakala penduduk Kimanis pula akan menghulurkan bantuan yang diberikan adalah merangkumi sumbangan derma dan bantuan tenaga secara sukarela khususnya semasa penyediaan *Minggai*.

*Upacara Monsuung Dahungan (Sajian Kuala Sungai) di Kimanis*

Antara persediaan lain yang dilakukan dalam menjayakan upacara *Monsuung Dahungan* ialah penyediaan *Balai* (pondok). Terdapat tiga buah *Balai* yang disediakan oleh ahli jawatankuasa khas pelaksana bersama penduduk kampung. Ia didirikan di tiga buah lokasi iaitu di hilir sungai, Batu Berkajang dan Muara sungai Kimanis. *Balai* ini menjadi tempat teduh sewaktu upacara tersebut dijalankan. *Minggai* yang telah siap juga diletakkan di bawah balai tersebut. Manakala bagi proses penyediaan *Minggai*, lazimnya akan dilakukan secara bergotong-royong. Kerja penyediaan *Minggai* dibahagikan kepada dua bentuk tugas, di mana pihak lelaki akan menyediakan bekas *Minggai* yang besar yang diperbuat daripada kulit batang pisang dan buluh, manakala pihak wanita dan kanak-kanak pula akan menganyam daun nipah untuk membentuk tiga jenis bekas *Minggai* iaitu *Cuit*, *Bajung* dan *Celapa* serta hidangan yang terdapat dalam *Minggai* (Foto 1).



**Foto 1: Minggai Makan Kuala**

Sumber: Kerja lapangan, 19 April 2014

Antara jenis makanan atau hidangan yang disediakan di *Minggai* ialah; kulapis, kuih panjaram, pisang, ubi manis, telur, kirai, tebu, nasi daripada pelbagai jenis warna, beras, padi, jagung, sagu hijau dan sagu putih, ikan masin, gelaga, kirai, gambir, minyak kelapa dan sireh pinang. Ciri menarik berkaitan dengan *Minggai*;

Zainuddin Baco

- i. *Minggai* yang disediakan perlulah mencukupi 21, angka ini berkait rapat dengan jumlah anak sungai atau cabang sungai Kimanis.
- ii. Buah-buahan yang diletakkan ke dalam *Minggai* perlulah buah-buahan yang muda kerana dipercayai bahawa makhluk halus atau roh tidak menyukai buah-buahan yang telah dimakan manusia terlebih dahulu.
- iii. Nasi daripada pelbagai warna, kerana dipercayai bahawa makhluk halus atau roh sahaja yang memakan nasi selain berwarna putih.



**Foto 2: Penyediaan Minggai**  
Sumber: Kerja lapangan, 19 April 2014

### **Peringkat Upacara *Monsuung Dahungan***

Tempoh masa upacara *Monsuung Dahungan* dijalankan adalah selama enam hari bermula dari proses *Menggambo* iaitu proses pemberitahuan kepada makhluk halus atau roh sehingga perintah pantang larang atau pendamaian dengan makhluk halus selama tiga hari. Secara khususnya terdapat tiga peringkat upacara iaitu *Menggambo*, *Menavit* dan *Monsuung Dahungan*.

Peringkat *Menggambo* merupakan satu peringkat bertujuan pemberitahuan dan seterusnya menjemput makhluk halus bahawa



*Upacara Monsuung Dahungan (Sajian Kuala Sungai) di Kimanis*  
*Monsuung Dahungan* bakal dilakukan. Upacara pada peringkat ini lazimnya dilakukan di rumah Bobohizan dan seterusnya dilakukan semula di hilir sungai Kimanis. Lazimnya upacara ini dijalankan pada waktu petang dan tempoh masa upacara ini dilakukan mengambil masa selama 30 minit. Selepas bacaan mantera dilakukan oleh Bobohizan, majlis makan dan minum akan diadakan kepada para penduduk kampung yang hadir. Kemudian, peringkat ini sekali lagi dilakukan pada waktu yang sama di hilir sungai Kimanis.



**Foto 3: Peringkat Manavit**

Sumber: Kerja lapangan, 19 April 2014

Seterusnya proses *Menavit* merupakan satu upacara khusus yang dilakukan di hilir sungai Kimanis iaitu di Kampung Belatik. Upacara ini dilakukan pada waktu petang iaitu sekitar pukul 4.00-5.00 petang. Proses *Menavit* lazimnya dilakukan oleh dua Bobohizan bersama dua pembantu Bobohizan, dan beberapa *Minggai* juga diletakkan di Balai yang terdapat di hilir sungai Kimanis. Semasa upacara ini, Bobohizan akan melambai-lambai tangan ke arah sungai sambil membacakan mantera untuk memberitahu dan mengarah makhluk halus atau roh untuk berkumpul agar bersedia untuk upacara *Mansuung Dahungan*. Setelah upacara tamat, orang kampung yang menyaksikan upacara tersebut yang berkumpul di kawasan tersebut akan makan dan minum bersama Bobohizan. Upacara ini lazimnya mengambil masa selama setengah jam sehingga sejam dan bergantung kepada penerimaan makhluk halus yang terdapat di sekitar kawasan tersebut.

Peringkat terakhir dan merupakan peringkat kemuncak upacara adalah peringkat *Monsuung Dahungan*. Peringkat ini bermula seawal pukul 7.00 pagi di mana bobohizan akan bersama penduduk kampung dalam kalangan penduduk kampung menaiki perahu bersama dari hilir sungai sehingga ke kuala sungai kimanis. Pergerakan perahu akan diketuai oleh perahu Boboizan, diikuti sebuah perahu khas untuk meletakkan 21 minggai dan penduduk tempatan. Di sepanjang perjalanan menuju ke muara sungai, beberapa perahu milik penduduk tempatan juga menyertai perjalanan tersebut.



**Foto 4: Peringkat Monsuung Dahungan**

Sumber: Kerja lapangan, 19 April 2014

Sepanjang perjalanan, bobohizan bersama pembantunya akan membacakan mantera sambil melambai-lambai tangan untuk menjemput semua makhluk halus atau roh ke muara sungai Kimanis. Ciri atau syarat khas semasa perjalanan ini, setiap perahu akan dipasang sebuah bendera putih yang bermaksud melakukan pendamaian dengan makhluk halus dan setiap penduduk tempatan akan diberikan sejenis bunga Gaham yang dipercayai memastikan individu yang menaiki perahu sentiasa berada dalam keadaan ringan.

Semasa perjalanan menuju ke muara sungai, Bobohizan akan berhenti di Batu Berkajang (terletak di Kampung Brunei). Tujuannya adalah untuk meletakkan empat buah *minggai* dan menjalankan upacara khas yang dikenali sebagai *Baijai-Balai*. Hal ini dilakukan kerana

*Upacara Monsuung Dahungan (Sajian Kuala Sungai) di Kimanis* masyarakat Kimanis mempercayai bahawa terdapat makhluk atau roh yang kuat di Batu Berkajang yang sentiasa menjaga dan melindungi masyarakat daripada ancaman luar. Justeru *minggai* dan bacaan mantera tertentu perlu dilakukan sebelum tiba ke muara bagi menghormati makhluk tersebut.



**Foto 5: Batu Berkajang**

Sumber: kerja lapangan, 19 April 2014

Seterusnya, sebelum tiba ke muara sungai, setiap perahu yang diketuai oleh perahu yang diikuti oleh Bobohizan dikehendaki melakukan *Pusingan Naga* (perahu akan berpusing membentuk bulatan sebanyak tiga kali), bagi menandakan bahawa mereka hampir sampai ke muara. Setelah tiba ke muara sungai, Bobohizan akan turun ke pinggir muara sungai berserta penduduk kampung dan seterusnya menuju ke sebuah pondok khas yang telah dibina untuk menjalankan upacara *Mansuung Dahungan*. Kesemua *minggai* turut diletakkan ke pondok tersebut. Setelah tiba di muara sungai, Bobohizan akan membaca mantera tertentu yang bertujuan untuk menyajikan *minggai* kepada kesemua makhluk halus yang terdapat di sepanjang sungai Kimanis (Foto 6). Malah, sepanjang mantera dibaca setiap perahu milik penduduk kampung yang selesai menangkap ikan akan berhenti di muara sungai untuk memberikan sedikit hasil tangkapan mereka kepada Bobohizan dan penduduk kampung yang hadir semasa upacara dijalankan.



**Foto 6: Bacaan Mentera oleh Bobohizan di Pondok Muara Sungai**

Sumber: Kerja lapangan, 19 April 2014



**Foto 7: Pemasangan tali (Bintang Malau)**

Sumber: Kerja lapangan, 19 April 2014

Upacara ini berakhir apabila kesemua penduduk kampung Kimanis selesai menangkap ikan. Upacara ini berakhir apabila *Bintang Malau* (seutas tali akan pasang merentangi muara sungai) dipasang

*Upacara Monsuung Dahungan (Sajian Kuala Sungai) di Kimanis*

(Foto 7). Setelah Bintang Malau dipasang, secara tidak langsung segala proses pantang larang selama tiga hari dikuatkuasakan. Sepanjang tempoh larangan ini, penduduk dilarang memasuki atau keluar daripada muara sungai kimanis dan menjalankan aktiviti penangkapan ikan di sungai Kimanis.

### **Pantang Larang dan Kes Perlanggaran Adat**

Sistem kepercayaan ini dapat mewujudkan sistem sosial Kadazanyang mempunyai nilai-nilai suci yang dibendung oleh institusi adat serta dikawal oleh pantang larang. Pantang larang dalam kepercayaan tradisi merupakan alat untuk memelihara dan membezakan jenis-jenis ciptaan yang terdapat di alam semesta. Secara tidak langsung, pantang larang ini digunakan untuk memelihara adat bagi menghalang perkara yang tidak diingini daripada berlaku, khususnya kekacauan. Ia boleh dihubungkan dengan kehidupan komuniti Kadazan dan Brunei Kimanis yang diumpamakan dalam sebuah kapsul yang tertutup di mana masyarakat amat patuh kepada adat tradisi yang dibentuk oleh nenek-moyang. Bagi upacara *MonsuungDahungan*, terdapat beberapa pantang larang yang perlu diikuti oleh keseluruhan masyarakat Kimanis, antaranya;

- i. Larangan memakai pakaian yang berwarna Merah semasa proses upacara *Mansuung Dahungan* dilakukan.
- ii. Larangan untuk berbuat bising untuk tempoh pantang larang dilakukan.
- iii. Setelah Bintang Malau dipasang di muara sungai Kimanis, para penduduk tidak dibenarkan untuk keluar mahupun masuk ke sungai kimanis untuk tempoh pantang larang dilakukan.

Walau bagaimanapun, sepanjang tahun 1960-2013 upacara *Mansuung Dahungan* dilakukan, terdapat empat kes perlanggaran adat pernah berlaku. Perlanggaran adat ini telah menyebabkan pihak yang melanggar adat dikenakan *Sogit* (denda). Kadar *Sogit* bagi sebarang perlanggaran adat ditentukan oleh Ketua Adat.

- i. Kes pertama, seorang penduduk daripada Kampung Benoni yang melalui muara sungai kimanis semasa proses pantang larang berlangsung. Kes ini berlaku pada sekitar tahun 1960an. Walaupun beliau tidak mengetahui upacara dan pantang larang upacara ini, ketua adat telah mengenakan denda kepada beliau atau *Sogit* berupa seekor kambing.

- ii. Kes kedua melibatkan pemasangan cerucuk oleh kontraktor semasa proses pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan Limau pada sekitar tahun 2001-2002. Tindakan syarikat ini telah menyebabkan mereka didenda oleh Ketua Adat (Ketua Kampung).
- iii. Kes ketiga, melibatkan penggunaan jentera berat di sepanjang hulu Kimanis oleh syarikat pembinaan pada sekitar tahun 2004-2005.
- iv. Kes keempat tindakan syarikat pembinaan yang terlibat dalam pemasangan 40,00 buah cerucuk di PETRONAS pada tahun 2010-2011. Setelah dimaklumkan oleh pengerusi dan ahli jawatankuasa adat *Mansuung Dahungan*, kerja terpaksa dihentikan serta-merta dan berlanjutan sehingga proses pantang larang dilakukan. Kesannya syarikat ini dipercayai telah mengalami kerugian sehingga melibatkan jumlah kos yang besar.

### **Kelangsungan Upacara *Mansuung Dahungan***

Walaupun upacara *Mansuung Dahungan* diadakan setiap tahun, namun ianya dilihat tidak begitu sebatu dengan kehidupan harian masyarakatnya. Ia terdedah kepada pengaruh luar yang dibawa oleh pemerintah asing seperti Brunei, British dan pedagang dari luar. Pengaruh yang datang dilihat merebak ke dalam sistem kehidupan tradisi masyarakat Kimanis sehingga membawa kepada perubahan kepada kehidupan masyarakat tradisi ini. Arus pemodenan yang datang telah mempengaruhi etnik Kadazan-Dusun untuk menerima cara hidup yang moden. Perubahan yang berlaku adalah kesan daripada pelbagai pengaruh terutamanya pendidikan moden dan perkembangan sosio ekonomi. Hal ini kemudiannya meresap hingga merubah corak pemikiran masyarakatnya. Arus pembangunan yang begitu cepat turut menjarakkan masyarakat ini dengan amalan tradisional nenek moyang mereka.

Kimanis yang terletak di bahagian Pantai Barat Sabah, amat mudah untuk didekati oleh pihak luar. Dengan alasan pembangunan, maka masyarakat di sini amat terdedah dengan pelbagai pengaruh dalam hal berkaitan sosial, ekonomi dan politik. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Kadazan-Dusun Kimanis agak berbeza dengan komuniti Kadazan-Dusun lain kerana mereka telah didedahkan lebih awal dengan pembangunan dan penerapan dasar serta polisi baru

### *Upacara Monsuung Dahungan (Sajian Kuala Sungai) di Kimanis*

yang datangnya dari masyarakat luar. Ini dibuktikan dengan kewujudan penempatan Amerika Syarikat atau dikenali sebagai *Ellena Kingdom*. Manakala, agama Kristian dan pendidikan barat pula telah membawa perubahan daripada amalan adat tradisional kepada amalan agama yang baharu. Selain itu sistem ekonomi Kadazan-Dusun juga telah banyak dipengaruhi oleh masyarakat Cina, di mana sistem ekonomi sara diri telah berubah kepada sistem ekonomi moden. Penerapan nilai barat melalui pendidikan barat juga telah mengubah sistem kehidupan komuniti ini daripada berpegang kepada nilai-nilai tradisi kepada nilai-nilai moden. Faktor-faktor ini merupakan sebahagian daripada cabaran yang perlu ditempohi oleh adat tradisional Kadazan-Dusun termasuklah upacara *Mansuung Dahungan*.

## **Kesimpulan**

Upacara Monsuung Dahungan merupakan manifestasi penting adat tradisional masyarakat Kadazan-Dusun di Kimanis yang berfungsi sebagai mekanisme spiritual dan sosial dalam mengekalkan keseimbangan antara alam nyata dan alam spiritual. Berdasarkan perbincangan dalam artikel ini, jelas bahawa adat bukan sekadar amalan kebiasaan atau ritual semata-mata, sebaliknya membentuk suatu sistem nilai, kepercayaan dan peraturan hidup yang mengawal hubungan manusia dengan alam, sesama manusia serta makhluk halus yang dipercayai mendiami persekitaran mereka. Pelaksanaan Monsuung Dahungan melalui peringkat-peringkat ritual yang tersusun, pematuhan terhadap pantang larang, serta penguatkuasaan sogit terhadap pelanggaran adat memperlihatkan peranan adat sebagai institusi sosial yang berfungsi untuk menjamin keharmonian dan kesejahteraan komuniti.

Keunikan Monsuung Dahungan di Kimanis turut terserlah melalui kerjasama erat antara masyarakat Kadazan-Dusun dan Melayu Brunei dalam menjayakan upacara ini. Walaupun kedua-dua kelompok etnik ini mempunyai latar belakang agama dan budaya yang berbeza, kesepakatan yang terbina melalui adat ini mencerminkan nilai toleransi, saling menghormati dan semangat muafakat yang tinggi dalam kehidupan bermasyarakat. Kerjasama ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan antara etnik, malah menjadi simbol keharmonian sosial yang jarang ditemui dalam konteks ritual tradisional yang melibatkan kepercayaan spiritual. Walaupun kelangsungan upacara Monsuung Dahungan berdepan pelbagai cabaran akibat arus pemodenan, perubahan sosioekonomi, pendidikan moden serta pengaruh agama

baharu yang secara tidak langsung mempengaruhi pandangan dan amalan generasi muda. Perubahan ini berpotensi menjarakkan masyarakat daripada adat tradisional yang diwarisi sejak turun-temurun. Justeru, usaha pemeliharaan dan pendokumentasian adat Monsuung Dahungan amat penting bagi memastikan kelestariannya sebagai warisan budaya tidak ketara serta sebagai sumber identiti dan jati diri masyarakat Kadazan-Dusun di Kimanis.

Secara keseluruhannya, Monsuung Dahungan bukan sahaja berfungsi sebagai ritual pendamaian spiritual, malah berperanan sebagai medium penyatuan sosial dan pemeliharaan keseimbangan ekologi serta budaya. Pemahaman dan pengiktirafan terhadap nilai adat seperti ini wajar diberi perhatian dalam perancangan pembangunan dan pemeliharaan warisan budaya, agar keharmonian antara manusia, alam dan kepercayaan dapat terus dipelihara demi kesejahteraan masyarakat secara berterusan.

## Senarai Rujukan

### Buku dan Jurnal

- Dayu Sansalu. (2008). *Kadazan-Dusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evans, Ivor H.N. (1923). *Studies in Religion, Folklore and Custom in British North Borneo and The Malay Peninsula*. London: Cambridge University Press.
- Hanafi Hussin. (2003). Bobohizan dan Peranannya di Kalangan Masyarakat Kadazan di Daerah Penampang, Sabah. *Jati, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara*. 8. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jacqueline Pugh-Kitigan. (2012). *Kadazan-Dusun*. Kuala Lumpur: Institusi Terjemahan & Buku Malaysia.
- Owen Rutter. (1925). *The Pagans of North Borneo*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, Mohd Sarim Hj. Mustajab dan Suraya Sintang. (2007). *Pluraliti Etnik Dan Budaya di Sabah*, Kota Kinabalu; Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Aidah Hj. Lokin. (2004). *Sejarah, Sosioekonomi dan Kebudayaan Suku Kaum Bisaya Sabah*. Dlm. Sarim Mustajab (ed.). *Warisan Budaya Sabah Etnisiti dan Masyarakat*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.



- Upacara Monsuung Dahungan (Sajian Kuala Sungai) di Kimanis*
- Victor Turner. (1974). *Dramas, Fields, And Metaphors: Symbolic Action in Human Society*. United Kingdom: Cornell University Press.
- Whelan, F.G. (1968). *A History of Sabah*. Singapura: Heinemann Educational Books.
- Williams, T. R. 1965. *The Dusun: A North Borneo Society*. New York: Holt, Rinehart & Winston.

### **Temu Bual**

- Guslin Ajak. 57 Tahun, Pengerusi Adat Istiadat, Kimanis. 19 – 26 April 2014.
- Palin Along. 57 Tahun, Bendahari Adat Istiadat, Kimanis. 19 – 26 April 2014.